



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



GARIS PANDUAN PENSIJILAN

my  **Organic**
MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENSIJILAN



BK 266/11.23/1000
ISBN 978-983-047-325-3

Cetakan Pertama 2023
Edisi Pertama

© Hak cipta Jabatan Pertanian Malaysia,
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman

Diterbitkan oleh : Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 7-17, Wisma Tani,
No.30 Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 Putrajaya
Tel : 603 - 8870 3042
Faks : 603 - 8888 5069
Laman Web : <http://www.doa.gov.my>

GARIS PANDUAN PENSIJILAN myOrganic

ISBN 978-983-047-325-3



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(hardback)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-983-047-325-3 (hardback)

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	2
PENGENALAN	3
KEBAIKAN PERTANIAN ORGANIK	4
KRITERIA UTAMA	5
1. Penyimpanan Rekod Ladang	5
2. Integriti Organik	5
3. Peralihan	6
4. Tanaman atau Struktur Penampan dan Jarak Penampan	7
5. Pengurusan Tanah dan Ladang	9
1 PENSIJILAN myOrganic	9
2 KEPERLUAN PEMATUHAN myOrganic	20
3 PEMBAHARUAN PENSIJILAN	39
4 PEMBATALAN PENSIJILAN	41
PENGHARGAAN	45

PENDAHULUAN

Pertanian organik adalah satu kaedah yang terbaik untuk menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti tanpa menggunakan bahan kimia sebagai bahan pembajaan, kawalan perosak dan penyakit serta rawatan pasca tuai di sepanjang aktiviti agronomi tanaman berkenaan. Ia juga memastikan alam sekitar terpelihara serta keselamatan dan kebajikan pekerjaan terjamin.

Akibat daripada kesedaran pengguna tentang keselamatan makanan, pengguna kini telah mula beralih arah untuk mendapatkan bahan makanan yang tidak menggunakan bahan kimia dalam proses pengeluaran. Namun demikian, perkembangan industri pertanian organik di Malaysia masih lagi perlahan berbanding dengan negara-negara lain seperti Amerika dan Eropah. Usaha perlu diperhebatkan untuk meningkatkan pengeluaran produk organik di negara ini.

Buku Garis Panduan Pensijilan myOrganic ini menggariskan kesemua elemen-elemen penting yang perlu dipatuhi oleh usahawan yang terlibat dalam pengeluaran hasil pertanian organik bagi memastikan hasil keluaran ladang mereka adalah benar-benar organik.

Buku ini diterbitkan bertujuan untuk dijadikan panduan kepada semua pegawai Jabatan Pertanian dalam membimbing usahawan melaksanakan pertanian organik sehingga mereka layak dianugerahkan sijil Skim Organik Malaysia (myOrganic). Buku ini juga boleh digunakan oleh usahawan yang mengusahakan aktiviti pertanian secara organik bagi mempercepatkan proses pensijilan myOrganic bagi ladang mereka.



GARIS PANDUAN PENSIJILAN myOrganic



Pertanian organik adalah satu sistem agronomi yang tidak melibatkan penggunaan bahan kimia semasa proses pengeluaran dengan memastikan alam sekitar terpelihara bagi menghasilkan produk yang selamat dimakan dan berkualiti serta menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja. Pengusaha ladang organik yang mematuhi semua syarat di dalam buku garis panduan ini layak dianugerahkan sijil Skim Organik Malaysia (myOrganic).

myOrganic adalah satu program pensijilan yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang diusahakan secara organik mengikut kriteria dan keperluan yang telah ditetapkan dalam dokumen Pensijilan myOrganic.

Dokumen myOrganic adalah berasaskan kepada **Malaysian Standard MS1529:2015 Plant-based organically produced foods-Requirements for production, processing, handling, labelling and marketing (First revision)**.



KEBAIKAN PERTANIAN ORGANIK

i.



Dapat menghasilkan produk-produk pertanian yang selamat dimakan dan berkualiti

ii.



Bebas dari penggunaan bahan sintetik atau bahan kimia

iii.



Dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar

iv.



Mengekalkan biodiversiti, sumber biologi dan aktiviti mikrobiologi tanah

v.



Menggunakan amalan pengurusan dengan mengoptimumkan penggunaan bahan dalam ladang

vi.



Memulihara, mengekal dan mengimbangkan harmoni ekologi





1. Penyimpanan Rekod Ladang

- 1.1 Semua ladang perlu menyimpan rekod aktiviti di ladang. Semua rekod yang disimpan hendaklah dikemaskini dan diselenggarakan dengan mengambil kira semua elemen penting seperti yang terdapat dalam rekod ladang (myOrganic 4-1 hingga myOrganic 4-9) yang dikehendaki oleh Urus setia Pensijilan Skim Organik Malaysia (myOrganic). Berikut adalah senarai rekod ladang yang perlu dikemaskini dan disimpan:
 - (i) Rekod Pembelian Dan Penggunaan Bahan Tanaman
 - (ii) Rekod Pembelian Input
 - (iii) Rekod Pembuatan Input
 - (iv) Rekod Penggunaan Input
 - (v) Rekod Pengurusan Perosak
 - (vi) Rekod Pembelian Dan Penggunaan Jentera / Peralatan Ladang
 - (vii) Rekod Hasil & Rawatan Pasca Tuai
 - (viii) Rekod Pelupusan Sisa Ladang
 - (ix) Rekod Pekerja
- 1.2 Rekod ladang mesti disimpan dan dikemaskini sekurang-kurangnya 6 bulan.
- 1.3 Rekod ladang dianggap sulit tetapi telus bagi urusan audit.

2. Integriti Organik

Bagi memastikan pengusaha mempunyai integriti dalam mengusahakan pertanian secara organik, keperluan-keperluan berikut perlu dipatuhi:

- 2.1 Mempunyai pengetahuan dalam pengurusan ladang organik.
- 2.2 Memahami standard dan keperluan-keperluan pensijilan myOrganic.
- 2.3 Mengamalkan pertanian organik secara berterusan.
- 2.4 Melatih dan memaklumkan kepada pekerja dan juga pihak yang terlibat dalam aktiviti perladangannya mengenai pematuhan kepada standard dan keperluan-keperluan pensijilan myOrganic.
- 2.5 Bertanggungjawab dan jujur dalam menguruskan penghasilan produk organik.

- 2.6 Menyedia dan mempamerkan papan tanda amaran ‘Tanaman Organik - Dilarang Menyembur Racun Kimia’ di pintu masuk ladang.

3. Peralihan

3.1 Tempoh Peralihan

- 3.1.1 Tempoh peralihan adalah tempoh dimana ladang melaksanakan aktiviti pertanian organik sepenuhnya sebelum layak dipersijilkan.
- 3.1.2 Tempoh peralihan dari ladang konvensional kepada organik adalah sekurang-kurangnya dua tahun dan satu tahun untuk kawasan hutan dara dan ladang organik (diiktiraf oleh mana-mana pihak kompeten). Tempoh ini bermula setelah ladang tersebut didaftarkan permohonannya oleh pihak urus setia untuk menyertai pensijilan myOrganic dan boleh dilanjutkan atau disingkatkan berdasarkan kepada penggunaan tanah terdahulu. Tempoh pengurangan adalah tidak boleh kurang daripada 12 bulan.
- 3.1.3 Berdasarkan sejarah penggunaan tanah seperti penggunaan bahan kimia secara intensif, tempoh peralihan boleh dilanjutkan mengikut kes tertentu.
- 3.1.4 Pengusaha mesti mematuhi semua keperluan dalam dokumen pensijilan myOrganic di sepanjang tempoh peralihan.
- 3.1.5 Hasil tanaman yang diperolehi di sepanjang tempoh peralihan tidak boleh dijual sebagai produk organik.

3.2 Peralihan Sebahagian

- 3.2.1 Peralihan sebahagian adalah melibatkan ladang yang melaksanakan aktiviti pertanian secara konvensional dan organik dalam masa yang sama.
- 3.2.2 Peralihan sebahagian hanya dibenarkan pada ladang yang dipisahkan secara jelas dengan zon penampakan dan boleh dikenal pasti setiap masa serta mempunyai sistem pengurusan bagi menentukan integriti ladang dan produk organik.

3.3 Pengeluaran Serentak

- 3.3.1 Jenis tanaman yang sama tidak boleh diusahakan di kawasan konvensional, kawasan dalam tempoh peralihan dan kawasan organik oleh pengusaha yang sama kecuali:
- Varieti tersebut boleh dibezakan dari segi bentuk/rupa, warna dan lain-lain.
 - Tanaman organik dan bukan organik dituai pada masa dan tarikh yang berlainan, dan terdapat langkah-langkah kawalan

yang boleh diambil untuk memastikan tiada percampuran berlaku.

- iii. Produk organik dan bukan organik dikendalikan berasingan dan terdapat langkah-langkah kawalan yang boleh diambil untuk memastikan tiada percampuran berlaku.
- iv. Penyelenggaraan perakaunan dan pengauditan yang berasingan dan jelas dilakukan untuk produk organik dan bukan organik.

3.4 Pertukaran Pengeluaran Secara Organik Kepada Konvensional

3.4.1 Perubahan atau pertukaran ladang/tanah dari pengeluaran secara organik kepada konvensional hanya dibenarkan dengan keizinan bertulis daripada Jawatankuasa Pensijilan Ladang Malaysia.

3.4.2 Pertukaran status ladang dari pengeluaran secara organik kepada konvensional adalah dilarang kecuali:

- i. Ladang organik yang didaftarkan sebelumnya tidak lagi berada di bawah pengurusan yang sama, atau
- ii. Terdapat sebab yang kukuh mendorong pemberhentian pengurusan organik di ladang organik yang didaftarkan itu (contoh: serangan perosak yang serius, bencana alam).
- iii. Perubahan atau pertukaran tersebut akan membolehkan ladang organik diuruskan dengan lebih baik.

4. Tanaman atau Struktur Penampan dan Jarak Penampan

4.1 Pengusaha mestilah mengambil tindakan untuk mencegah atau meminimumkan risiko pencemaran oleh bahan yang tidak dibenarkan pada ladang organik di tanah bersebelahan dengan ladang atau tanaman organik yang berdaftar.










Contoh: Tumpahan bahan kimia, semburan racun, sampah sarap dan lain-lain.

4.2 Jika berlaku risiko pencemaran dari tanah/ladang bersebelahan, pengusaha mestilah mewujudkan kawasan atau tanaman penampan untuk mencegah pencemaran tersebut.

4.3 Jenis pencemaran daripada kawasan sekitar kawasan ladang organik akan menentukan jarak dan jenis penampan yang perlu diwujudkan oleh pengusaha ladang organik. Contoh adalah seperti berikut:

- i. Pencemaran larian permukaan tanah – perlu pembinaan parit
- ii. Semburan racun yang intensif daripada ladang jiran – Pembinaan tembok atau tanaman yang tinggi dan padat.
- iii. Bagi mengenalpasti blok-blok ladang yang di dalam proses peralihan atau pun peralihan sebahagian atau pun ladang jiran – Penyediaan Tanaman penampan yang rimbun atau jarak penampan yang ditetapkan oleh myOrganic hendaklah dipatuhi.

- 4.4 Pihak kompeten mestilah dihubungi untuk menentukan jarak penamparan yang sesuai di antara ladang yang diusahakan dengan ladang bersebelahan.
- 4.5 Pengusaha dikehendaki menambah jarak atau mengubah jenis penamparan sekiranya berlaku risiko pencemaran yang luar biasa.
- Contoh: Pertukaran amalan meracun oleh ladang bersebelahan dari menggunakan *knapsack sprayer* kepada *power sprayer*.
- 4.6 Kawasan penamparan di dalam sempadan ladang yang diusahakan mestilah mematuhi standard ini. Tanaman penamparan tidak boleh dijual sebagai produk organik.
- 4.7 Tanaman penamparan dan tanaman di ladang organik mesti berbeza dan mestilah sesuai untuk mencegah potensi pencemaran seperti semburan racun perosak dll. (sila rujuk Rajah 1).

Kedudukan (Ladang Organik)	Situasi	
	Penamparan semulajadi atau struktur	
	Ada	Tiada
Ladang organik LEBIH TINGGI dari kawasan bersebelahan		
Ladang organik SEARAS dengan kawasan bersebelahan		
Ladang organik LEBIH RENDAH dari kawasan bersebelahan		
Petunjuk	 Ladang organik  Kawasan bersebelahan  Zon penamparan	

Rajah 1: Keperluan Lebar Zon Penamparan

Contoh:

- a. Penampakan semulajadi: i. Pokok buluh, ii. Pokok Glyricidia,
- b. Penampakan berstruktur: i. Zink, ii. Plastik, iii. Tembok, iv. Parit

Jika kawasan sekeliling bukan organik lebih tinggi daripada ladang organik, parit hendaklah dibina bagi menyekat dan menampakan aliran air baja dan racun kimia dari mengalir masuk ke dalam kawasan ladang organik.

5. Pengurusan Tanah dan Ladang

- 5.1 Pengusaha perlu membuktikan bahawa tanah yang diusahakan adalah sah di sisi undang-undang:
 - Tanah yang mempunyai hak milik - ada geran
 - Tanah TOL - masih dalam tempoh sah laku
 - Tanah sewaan/ pajak - ada geran & perjanjian
 - Tanah milik pihak lain - ada surat kebenaran mengusahakannya
- 5.2 Pengusaha perlu menyediakan pelan susun atur ladang (farm layout) yang menunjukkan plot-plot tanaman untuk tujuan kebolehsesanan (traceability) dan perancangan pengeluaran. Bagi tanaman jangka pendek, pelan ini digunakan juga untuk merancang penggiliran tanaman.



- i. Pensijilan myOrganic akan dianugerahkan kepada pemohon yang telah berjaya mematuhi semua syarat-syarat pensijilan myOrganic.
- ii. Ladang-ladang yang telah dianugerahkan sijil myOrganic diberi kebenaran untuk mencetak dan mempamerkan logo myOrganic pada bungkusan produk yang dihasilkan dari ladang tersebut beserta dengan nombor sijil.
- iii. Tempoh sah laku sijil myOrganic adalah **satu tahun** dan penerima sijil akan ditawarkan untuk pembaharuan sijil myOrganic 6 bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku.
- iv. Pembaharuan sijil myOrganic hanya akan dikeluarkan sekiranya ladang tersebut masih mematuhi semua syarat-syarat pensijilan myOrganic.

1.1 KRITERIA PERMOHONAN

1.1.1 Kategori pemohon adalah seperti berikut:

- i. Persendirian
- ii. Syarikat Swasta
- iii. Peserta Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
- iv. Agensi / Badan Berkanun
- v. Peserta Ladang Kontrak
- vi. Pusat Pertanian dibawah seliaan Jabatan Pertanian
- vii. Peserta Projek Pertanian Moden

1.1.2 Pemohon hendaklah memastikan:

- i. Tanah yang diusahakan sah di sisi undang-undang
- ii. Ladang telah mula bertanam dan mengeluarkan hasil
- iii. Hasil yang dikeluarkan adalah bertujuan untuk jualan domestik atau eksport

1.2 PROSEDUR PERMOHONAN

1.2.1 Permohonan myOrganic hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan myOrganic 1. Borang ini boleh didapati di:



- i. Jabatan Pertanian Daerah
- ii. Jabatan Pertanian Negeri
- iii. Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Putrajaya

1.2.2 Semua Borang Permohonan myOrganic yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pejabat Pertanian Daerah berpandukan alamat ladang yang diusahakan. Set dokumen yang perlu dihantar adalah seperti berikut:

- i. Borang Permohonan myOrganic 1-1
- ii. Laporan Pemeriksaan Awal Di Ladang myOrganic 1-2
- iii. Senarai Semak Permohonan myOrganic 1-3

1.2.3 Semua permohonan akan melalui Proses Pensijilan yang telah ditetapkan seperti myOrganic 14-1.

myOrganic 1-1

BORANG PERMOHONAN APPLICATION FORM			
			
<p><i>Bahagian A hingga G untuk diisi oleh Pemohon</i> <i>Section A to G to be filled by applicant</i></p> <p><i>Bahagian H untuk diisi oleh Pegawai Pembimbing</i> <i>Section H to be filled Supervising Officer</i></p> <p><i>Bahagian I untuk diisi oleh Urus Setia Pensijilan</i> <i>Section I to be filled by Certification Secretariat</i></p>			
<p>(SILA RUJUK PANDUAN MENGISI BORANG)</p>			
JENIS PERMOHONAN (TYPE OF APPLICATION)			
Permohonan Baru	Ya/Tidak	Jika tidak, sila nyatakan no. sijil/no. permohonan myGAP terdahulu	
SKOP PERMOHONAN (SCOPE OF APPLICATION)			
<p>Sila tanda [x] di ruang yang disediakan. (Please tick [x] in the appropriate space given)</p>			
I.	Pengeluaran Tanaman (Crop)		<input type="checkbox"/>
II.	Pemeliharaan Lebah (Bee Keeping)		<input type="checkbox"/>
III.	Tuaian Semulajadi (Wild Harvest)		<input type="checkbox"/>
IV.	Pembiakbakaan Tanaman (Plant Breeding)		<input type="checkbox"/>
MAKLUMAT PEMOHON INFORMATION OF APPLICANT			
[1] Nama Pemohon : <i>Name of Applicant</i>			
[2] No. KP/No. Pendaftaran Syarikat : <i>IC No. or Company Registration No.</i>			
[3] Nama Wakil Yang Boleh Dihubungi : <i>Name of contact person</i>			
[4] Alamat Surat - Menyurat : <i>Correspondence Address</i>			
[5] Poskod : <i>Postcode</i>		[6] Bandar : <i>City</i>	[7] Negeri : <i>State</i>
[8] No. Telefon : <i>Phone No.</i>		[9] No. Faks : <i>Fax No.</i>	[10] Alamat e-mail : <i>E-mail address</i>
MAKLUMAT LADANG DESCRIPTION OF FARM			
[1] Nama Ladang : <i>Name of Farm</i>			
[2] Nombor Lot : <i>Lot Number</i>		[3] Blok : <i>Block</i>	[4] Kampung : <i>Village</i>
[5] Mukim: <i>Province</i>		[6] Daerah / Jajahan : <i>District</i>	[7] Negeri : <i>State</i>
[8] Keluasan Fizikal Ladang (hektar) : <i>Area (hectares)</i>			
[9] Tarikh Ladang Mula Beroperasi : <i>Date of first coming into operation</i>			

myOrganic 1-1

[10] Jenis Ladang *Type of farm :*
 Sila tanda [✓] di ruang yang disediakan. *(Please tick [✓] in the appropriate space given)*

Individu
Individual/Smallholder Farm

Syarikat
Company

Projek / Program di bawah Jabatan Pertanian
Project/programme under Department of Agriculture

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Stesyen / Pusat Pertanian Lain-lain, nyatakan :
Permanent Food Production Park Agriculture Station / Others, please specify

Projek di bawah Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Project under an agency of Ministry of Agriculture & Food Security
 Sila nyatakan :
Please specify

Lain-lain, Sila nyatakan :
Others, Please specify

[11] Adakah ladang ini menyertai Program Ladang Kontrak?
Does the farm joint Contract Farming Programme?

Tidak Ya
No Yes

Jika ya, sila nyatakan :
If yes, please specify

[12] Sistem Ladang *Farming system :*
 Sila tanda [✓] di ruang yang disediakan. *(Please tick [✓] in the appropriate space given)*

Terbuka
Open

Separa Tertutup
Partially Closed

Bertutup Penuh
Fully Closed

E	JENIS TANAMAN YANG DIUSAHAKAN <i>TYPE OF CROP</i>		
	Komoditi <i>Commodity</i>	Jenis tanaman <i>Crop</i>	Keluasan bertanam (ha) <i>Planted area (ha)</i>
	Buah-buahan <i>Fruits</i>		
	Sayur-sayuran <i>Vegetables</i>		
	Padi <i>Paddy</i>		
	Cendawan <i>Mushroom</i>		
	Lain-lain <i>Others</i>		
Jumlah Keluasan Ladang Bertanam (ha) : <i>Total planted area (ha)</i>			

myOrganic 1-1

F	SALURAN PEMASARAN MARKETING	
Sila tanda [√]. (Please tick [√])		
<input type="checkbox"/> Jualan Terus <i>Direct sales</i>		
<input type="checkbox"/> Eksport Sila nyatakan negara: <i>Export</i> Please specify the country		
<input type="checkbox"/> Lain-lain Sila nyatakan:..... <i>Others</i> Please specify		
*Boleh memilih lebih dari satu (May choose more than one)		
G	PENGESAHAN DECLARATION	
Saya mengesahkan bahawa segala butiran yang dinyatakan di atas adalah benar dan akan menurut segala syarat dalam keperluan pematuhan Pensijilan myOrganic. <i>I hereby certify that the information given above are correct and will abide with all rules specified in the requirement of myOrganic Certification.</i>		
Saya juga mengesahkan bahawa ladang saya melaksanakan amalan pertanian baik secara organik dan sijil myOrganic saya akan terbatal serta merta sekiranya berlaku pelanggaran dalam keperluan pematuhan Pensijilan myOrganic. <i>I also certify that my farm is applying good organic agriculture practices and the certificate will be revoked immediately if there is non-compliance in the requirement of myOrganic Certification.</i>		
Tandatangan Pemohon / Cop Syarikat : <i>Signature of applicant / Company seal</i>		
Tarikh : <i>Date</i>		
Sila hantarkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen berkaitan (Lampiran 1) kepada : <i>Please send the completed application form together with the relevant documents (Appendix 1)</i>		
PEJABAT PERTANIAN DAERAH (mengikut lokasi ladang) AGRICULTURE DISTRICT OFFICE (based on farm location)		
Tempoh sah laku borang permohonan ini adalah tiga (3) tahun dari tarikh pendaftaran <i>This application form valid for three (3) years from registered date</i>		
H	UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI PEMBIMBING DARIPADA JABATAN PERTANIAN <i>To be fill with supervisory officer from the Department Of Agriculture</i>	
[1] Nama : <i>Name</i>		
[2] Jawatan : <i>Position</i>	[3] Kawasan Perkhidmatan : <i>Service Area</i>	
[4] Alamat Pejabat : <i>Address</i>		
[5] Poskod : <i>Postcode</i>	[6] Daerah / Jajahan : <i>District</i>	[7] Negeri : <i>State</i>
[8] No. Telefon Pejabat : <i>Tel No.</i>	[9] No. Telefon Bimbit : <i>Mobile No.</i>	[10] No. Faks : <i>Fax No.</i>
[11] Alamat e-mail : <i>E-mail</i>		

myOrganic 1-1

<p>Sila sertakan dokumen berikut bersama permohonan ini. <i>Please attach the following documents together with this application</i></p> <p>1. Senarai Semak Permohonan myOrganic 1-3 <i>(Checklist of myOrganic 1-3)</i> 2. Dokumen yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Senarai Semak Permohonan myOrganic 1-3. <i>(Relevant documents as specify in the checklist of myOrganic 1-3 Application)</i></p>	
<p>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT URUS SETIA PENSIJILAN <i>FOR OFFICIAL USE</i></p>	
[1]	<p>Tarikh Daftar : <i>Date registered</i></p>
[2]	<p>No. Pendaftaran : myOrganic. <i>Registration No.</i></p>
[3]	<p>Tandatangan dan cop : <i>(Signature and stamp)</i></p>

Sebarang pertanyaan, sila hubungi;

For further information, please contact

Urus Setia

Seksyen Pensijilan Ladang

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian

Wisma Tani, Aras 7, No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya

No. Tel: 03-8870 3448 /3570 /4040/3186 /3577 /3571 /3575 /3585 /3450 /3446 /3454

No. Faks: 03-8888 7639

E-mail: mygapmyorganic@doa.gov.my

myOrganic 1-1

Lampiran 1

Sila sertakan salinan dokumen berkaitan yang disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah;

Bil	Dokumen	Tindakan Pemohon (l)
1.	Kad Pengenalan/Sijil Daftar Syarikat (SSM)	
2.	<p>Bukti status tanah yang diusahakan;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tanah hak milik sendiri – Bukti salinan geran hak milik sendiri ii. Tanah sewa/pajak – Bukti salinan perjanjian sewa/pajak tanah beserta salinan geran pemilik atau surat kebenaran yang masih sah laku beserta salinan geran pemilik iii. Tanah LPS (TOL) – Bukti salinan Lesen Pendudukan Sementara yang sah laku /surat permohonan dalam proses pembaharuan LPS daripada Pejabat Tanah iv. TKPM – Bukti salinan surat pengesahan peserta TKPM/ surat perjanjian peserta dengan jabatan beserta pelan lot TKPM keseluruhan v. Tanah di Pusat Pertanian atau Stesen di bawah Persekutuan/Negeri – Bukti surat persetujuan daripada pengarah bahagian/negeri beserta dengan pelan lot stesen /pusat keseluruhan vi. Tanah Kerajaan Negeri – Bukti Surat Pengesahan/ Penganugerahan dari Pejabat Tanah dan Galian Daerah berkenaan <p>Permohonan yang melebihi daripada satu lot perlu berada dalam lingkungan 1 km radius. Jika jarak lot tersebut melebihi dari 1 km radius, perlu mengemukakan permohonan yang berasingan.</p>	
3.	Ladang telah / akan mengeluarkan hasil dalam tempoh 6 bulan.	
4.	Pelan Blok Tanaman hendaklah dilampirkan.	
5.	<p>Bagi kawasan yang dibangunkan pada atau selepas 2015, sertakan Surat Kelulusan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembangunan tanah hutan yang meliputi kawasan seluas ≥ 20 hektar untuk dijadikan sebagai kawasan pengeluaran pertanian* atau ii. Pengubahan hutan pada ketinggian ≥ 300 meter atas paras laut kepada kegunaan lain tanah yang meliputi kawasan seluas ≥ 20 hektar* atau 	

myOrganic 1-1

	<p>iii. Pembangunan atau pembersihan tanah berkecerunan 25^o hingga <35^o</p> <p><i>*Mengikut Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling 2015 (jika berkenaan)</i></p>	
--	---	--

CATATAN:

- 1) Sekiranya permohonan daripada myGAP terdahulu kepada myOrganic, peringkat pemeriksaan tapak perlu dilaksanakan juga.

*Status permohonan daripada myGAP kepada myOrganic akan disemak dan ditentukan oleh pihak urus setia Putrajaya.

- 2) Sekiranya ladang yang telah menerima pensijilan myGAP terdahulu ingin menukar kepada myOrganic, sijil tersebut boleh diguna pakai sehingga pensijilan myOrganic dianugerahkan. Sijil myGAP sedia ada akan terbatal setelah mendapat sijil myOrganic.

myOrganic 1-2

LAPORAN PEMERIKSAAN AWAL DI LADANG

Nama Pemohon :
 Alamat Ladang :

BIL.	PERKARA	YA	TIDAK BERKENAAN
1.	Maklumat pada Borang Permohonan myOrganic 1-1 adalah betul.		
2.	Nombor lot di ladang dan di geran (kecuali TKPM dan Pusat Pertanian) adalah sama seperti di Borang Permohonan myOrganic 1-1.		
3.	Ladang diusahakan adalah tidak melebihi 1,000 meter dari paras laut (kecuali tanah yang telah dibangunkan sebelum Januari 2002).		
4.	Kawasan yang dimohon untuk pensijilan telah bertanam dan mengeluarkan hasil.		
5.	Penanaman mestilah berasaskan tanah. Penanaman lain seperti hidroponik dilarang .		
6.	Pemohon menyimpan dan mengemaskini rekod ladang.		
7.	Jenis tanaman/produk segar yang diusahakan di ladang adalah sama seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan myOrganic 1-1.		
8.	Sekiranya pemohon mengupah pekerja asing dalam menjalankan aktiviti ladang, pekerja tersebut adalah sah mengikut undang-undang.		
9.	Ladang mempunyai kemudahan air bersih, tandas dan rumah kediaman yang selesa sekiranya pekerja tinggal di ladang.		
10.	Penggunaan baja organik yang optimum dan bukan daripada sisa khinzir dan manusia.		
11.	Haiwan peliharaan tidak berkeliaran di kawasan tempat pengumpulan dan pemprosesan hasil.		
12.	Ladang mempunyai zon penampungan yang sesuai dan mencukupi.		

Adalah disahkan bahawa saya telah membuat pemeriksaan awal di ladang dan didapati perkara-perkara di atas telah mematuhi pra-syarat pensijilan myOrganic. Oleh itu, saya mengesyorkan ladang ini memohon pensijilan myOrganic.

Disyorkan oleh:

Disahkan oleh:

.....
 Agen Pengembangan Tanaman (APT)

.....
 Pegawai Pertanian Daerah (PPD)

myOrganic 1-3



**BAHAGIAN KAWALAN KUALITI TANAMAN
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
SENARAI SEMAK PERMOHONAN**



NAMA PEMOHON :

Bil.	Perkara	Tindakan Pegawai Pembimbing (/)	Tindakan Urus Setia (/)
DOKUMEN ASAL			
1.	Borang permohonan (myOrganic 1-1) yang telah lengkap diisi & ditandatangani oleh pemohon & dicop (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Laporan pemeriksaan awal di ladang (myOrganic 1-2) yang telah disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
DOKUMEN SALINAN			
3.	Status pemohon (Sila tandakan (/) salah satu daripada perkara berikut) :		
	i. Individu – sertakan salinan kad pengenalan yang disahkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii. Syarikat – sertakan salinan Sijil Daftar Syarikat (SSM) yang disahkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	iii. Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Status tanah yang diusahakan (Sila tandakan (/) salah satu daripada perkara berikut) : semua dokumen MESTI disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah		
	i. Tanah hak milik sendiri – Bukti salinan geran hak milik sendiri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	ii. Tanah sewa/pajak – Bukti salinan perjanjian sewa/ pajak tanah beserta salinan geran pemilik atau surat kebenaran yang masih sah laku beserta salinan geran pemilik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	iii. Tanah LPS (TOL) – Bukti salinan lesen pendudukan sementara yang sah laku /surat permohonan dalam proses pembaharuan LPS daripada Pejabat Tanah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	iv. TKPM – Bukti salinan surat pengesahan peserta TKPM/ Surat perjanjian peserta dengan Jabatan beserta Pelan Lot TKPM keseluruhan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	v. Tanah di pusat pertanian atau stesen di bawah Persekutuan/Negeri – Bukti surat persetujuan daripada Pengarah Bahagian/Negeri beserta dengan pelan lot stesen/ pusat keseluruhan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	vi. Tanah Kerajaan Negeri – Bukti Surat Pengesahan/ Penganugerahan dari Pejabat Tanah dan Galian Daerah berkenaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

1.3 KADAR CAJ PERKHIDMATAN

Penyertaan skim ini adalah secara sukarela dan perkhidmatan diberikan secara PERCUMA kepada pemohon bagi tujuan pensijilan.

1.4 KRITERIA PENILAIAN

Pemohon mesti lulus ketiga-tiga perkara berikut iaitu:

- i. Pemeriksaan tapak
- ii. Sampel hasil bagi analisis residu racun makhluk perosak, logam berat (jika diragui) dan mikrobial
- iii. Pengauditan amalan ladang dengan pembuktian pada lawatan ke ladang rekod ladang dan temu bual dengan pengusaha

1.5 KEPERLUAN PEMATUHAN

Keperluan Pematuhan Pensijilan myOrganic mengambil kira pelbagai risiko yang berkaitan dengan proses pengeluaran produk pertanian berdasarkan peruntukan undang-undang dan akta yang dikuatkuasakan di Malaysia.



KEPERLUAN PEMATUHAN myOrganic



NO. ELEMEN	ELEMEN
1	KEBOLEHKESANAN
1.1	Hasil pertanian akan boleh dikesan dari ladang mana ia dikeluarkan
2	PENYIMPANAN REKOD DAN AUDIT
2.1	PENYIMPANAN REKOD
2.1.1	Rekod ladang perlu sentiasa dikemaskini
2.1.2	Pelan blok tanaman perlu disediakan dengan jelas serta direkodkan.
2.1.3	Pengusaha perlu menyimpan segala maklumat yang berkaitan dengan pengeluaran organik seperti rekod pembelian, pengendalian dan pemprosesan.
2.1.4	Rekod hendaklah mudah diperolehi dari semasa ke semasa, diaudit dan dianggap sulit.
2.1.5	Ladang mesti menyimpan rekod yang diselenggara sekurang-kurangnya 6 bulan dengan mengambil kira semua elemen penting dan disimpan sekurang-kurangnya 5 tahun atau mengikut keperluan undang-undang.
2.2	AUDIT
2.2.1	Audit mesti dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dan didokumenkan. Tindakan pembetulan mesti dilaksanakan dan didokumenkan.
3	SEJARAH DAN PENGURUSAN TAPAK
3.1	SEJARAH TAPAK
3.1.1	Satu sistem perlu diadakan untuk merekod sejarah tapak dan pelan ladang untuk mengesan jenis tanaman yang telah ditanam
3.1.2	Pelan tindakan pembetulan mesti dibentuk dengan menggariskan strategi bagi mengurangkan semua risiko yang telah dikenalpasti di kawasan ladang.
3.1.3	Lokasi ladang tidak boleh melebihi 1000 meter dari paras laut kecuali kawasan tersebut telah dibangunkan sebelum 1 Januari 2002.
3.2	PENGURUSAN TAPAK
3.2.1	Pihak pengurusan ladang mesti membuktikan bahawa mereka mempunyai kebenaran untuk mengusahakan ladang
3.2.2	Ladang mesti terletak di kawasan tanah bercerun yang dibenarkan.
4	ANALISIS HASIL
4.1	Semua produk atau hasil pertanian mesti dianalisis untuk mengesan kandungan residu racun perosak dan logam berat serta mikrob.
5	PENGELUARAN
5.1	PENGURUSAN EKOSISTEM
5.1.1	Pembukaan dan pencerobohan ekosistem hutan simpan kekal atau kawasan warisan budaya untuk pertanian organik adalah dilarang.

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.1.2	Langkah-langkah perlu diambil untuk mengekalkan habitat semula jadi seperti laluan air, kawasan paya dan tasik untuk menambah baik landskap dan meningkatkan kualiti biodiversiti. Pengusaha perlu menyediakan kawasan khas untuk habitat tumbuhan dan haiwan jika ladang organik melebihi 50 hektar.
5.1.3	Spesis tumbuhan yang dilindungi dan berbahaya kepada manusia tidak boleh dituai.
5.2	PEMULIHARAAN TANAH DAN AIR
5.2.1	Pengusaha mesti mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk meminimumkan kehilangan bahagian lapisan tanah atas menerusi pembajakan minima, pembajakan mengikut kontur, penggunaan sungkupan penyelenggaraan tanaman penutup bumi, dan amalan-amalan pengurusan pemuliharaan tanah yang lain.
5.2.2	Pembukaan dan penyediaan tanah secara pembakaran adalah dilarang kecuali bagi mengawal penyakit dan perosak.
5.2.3	Pengusaha mesti mengembalikan nutrien, bahan organik dan sumber lain yang hilang dari tanah semasa penuaian melalui kaedah kitar semula, memperbaharui dan menambah bahan organik dan nutrien.
5.2.4	Pengusaha mesti mengambil langkah untuk mencegah atau mengatasi masalah salinasi tanah dan air jika ada.
5.2.5	Pengusaha tidak seharusnya menggunakan air secara berlebihan dan dalam masa yang sama perlu menjaga kualiti air. Pengusaha digalakkan mengitar semula air hujan dan memantau pengambilan air.
5.2.6	Pengusaha mesti menggunakan air daripada sumber yang mampan, tidak dicemari oleh bahan kimia dan patogen. Analisis air dilakukan sekiranya perlu.
5.2.7	Penggunaan air kumbahan yang tidak dirawat adalah dilarang.
5.3	WILD HARVESTED PRODUCTS AND COMMON/PUBLIC LAND MANAGEMENT
5.3.1	Hasil semulajadi yang dituai daripada kawasan yang mampan dan tidak boleh melebihi daripada kadar yang mampan atau mengancam kewujudan ekosistem yang lain.
5.3.2	Hasil yang dituai hanya daripada kawasan yang dikenalpasti dan kawasan tersebut tidak menggunakan bahan terlarang.
5.3.3	Kawasan tuai hasil semulajadi hendaklah berada pada jarak yang bersesuaian daripada kawasan pertanian konvensional atau sumber pencemaran.
5.3.4	Pengusaha perlu arif dengan kawasan pengeluaran termasuk kesannya terhadap penuai konvensional.
5.3.5	Pengusaha hendaklah mengambil langkah-langkah bagi memastikan hasil semulajadi yang dituai bebas daripada air yang tercemar oleh bahan terlarang.

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.3.6	Penggunaan GMOs (Genetically Modified Organism) dan produknya adalah dilarang sama sekali dalam pertanian organik.
5.4	PENGELUARAN SERENTAK DAN SEBAHAGIAN
5.4.1	Sekiranya keseluruhan ladang konvensional tidak dibuat peralihan kepada organik, pengasingan yang jelas mesti dilakukan.
5.4.2	Pengeluaran serentak organik dan bukan organik yang tidak dapat dibezakan secara visual dibenarkan sekiranya pengeluaran dapat disahkan secara jelas. Unit pengeluaran organik dan bukan organik perlu diasingkan dari aspek fizikal, kewangan dan operasi.
5.4.3	Bahan terlarang mesti disimpan di tempat berasingan daripada kawasan penanaman dan pengeluaran organik.
5.5	PENGEKALAN PENGURUSAN ORGANIK
5.5.1	Pertukaran pengeluaran daripada organik kepada konvensional atau sebaliknya perlu mengemukakan permohonan.
5.6	PENGELUARAN TANAMAN
5.6.1	PEMILIHAN JENIS TANAMAN, VARIETI DAN PEMBIAKAN BAHAN TANAMAN
5.6.1.1	Bahan tanaman tidak boleh dirawat dengan bahan kimia yang dilarang sebelum ditanam.
5.6.1.2	Pengeluaran bahan tanaman yang disahkan organik, bahan tanaman mesti ditanam secara organik sekurang-kurangnya untuk satu generasi bagi tanaman jangka pendek. Bagi tanaman jangka panjang adalah 18 bulan atau musim kedua pengeluaran yang mana lebih panjang tempohnya.
5.6.1.3	Pembiakan tanaman boleh menggunakan biji benih dan bahan tanaman, contoh : a) Umbisi b) Bebawang c) Keratan dan mata tunas d) Rhizom e) Meristem culture
5.6.1.4	Amalan pembiakan mesti dijalankan secara organik kecuali meristem culture.
5.6.1.5	Media tanaman untuk pembiakan adalah seperti dalam Annex A dan B
5.6.1.6	Pengusaha mesti mematuhi Perundangan Hak Harta Intelektual jika varieti yang digunakan dilindungi dibawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004
5.6.1.7	Penggunaan GMOs (Genetically Modified Organism) dan produknya adalah dilarang sama sekali dalam pertanian organik.
5.6.2	TEMPOH PERALIHAN /PERTUKARAN
5.6.2.1	Tempoh peralihan daripada konvensional kepada organik adalah sekurang-kurangnya dua tahun dan satu tahun untuk hutan dara dan ladang organik. Tempoh ini bermula setelah ladang berdaftar untuk menyertai pensijilan dan boleh disingkatkan atau dilanjutkan berdasarkan kepada penggunaan tanah terdahulu. Pengurangan tempoh adalah tidak boleh kurang daripada 12 bulan.

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.6.2.2	Tempoh peralihan boleh dilanjutkan berdasarkan sejarah Penggunaan tanah seperti penggunaan bahan kimia secara intensif atau mengikut keadaan.
5.6.2.3	Pengusaha mesti mematuhi segala keperluan piawaian perladangan organik sepanjang tempoh peralihan
5.6.2.4	Hasil tanaman sepanjang tempoh peralihan tidak boleh dijual sebagai organik
5.6.2.5	Tempoh peralihan mesti bermula daripada tarikh pendaftaran
5.6.3	KEPELBAGAIAN (DIVERSITY) PENGELUARAN TANAMAN
5.6.3.1	Tanaman giliran mesti dilaksanakan bagi mengawal perosak serta megekalkan kesuburan tanah. Kesuburan tanah juga boleh dikekalkan dengan penggunaan bahan organik, tanaman kecacang atau tanaman yang mempunyai sistem pengakaran dalam.
5.6.3.2	Tanaman penutup bumi dan kepelbagaian tanaman mesti diamalkan dikawasan buah-buahan.
5.6.4	KESUBURAN TANAH DAN PEMBAJAAN
5.6.4.1	Bahan organik tanah, aktiviti mikrob dan kesuburan tanah mesti ditingkatkan jika berada di paras rendah dan dikekalkan atau ditingkatkan sehingga mencapai tahap optimum. Pengusaha perlu mengelakkan peningkatan logam berat dan lain-lain pencemaran dalam tanah.
5.6.4.2	Program pembajaan hendaklah berasaskan bahan mikrob, tumbuhan atau haiwan. Pemeliharaan kesuburan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada sisa hasil ladang sendiri.
5.6.4.3	Nutrien dan produk kesuburan hendaklah diaplikasi dengan cara yang tidak memudaratkan tanah, air dan biodiversiti.
5.6.4.4	Bahan yang diaplikasikan kepada tanah atau tanaman hendaklah berpandukan kepada Annex A. (Bahan untuk pembajaan dan kesuburan tanah)
5.6.4.5	Penggunaan najis manusia dan khinzir adalah dilarang.
5.6.4.6	Baja mineral hanya boleh digunakan untuk program pembajaan jangka panjang dan digunakan bersama kaedah lain seperti penambahan bahan organik, tanaman pusingan dan pengikatan nitrogen oleh tanaman. Penggunaannya mestilah disahkan oleh pihak yang kompeten berasaskan analisis tanah dan daun.
5.6.4.7	Baja mineral hendaklah digunakan dalam bentuk semulajadi. Baja tersebut tidak boleh diubah ke bentuk yang lebih larut melalui proses rawatan kimia.
5.6.4.8	Penggunaan semua baja sintetik termasuk urea adalah dilarang
5.6.4.9	Penanaman mestilah berasaskan tanah. Penanaman lain seperti hidroponik dilarang.
5.6.4.10	Bagi pengeluaran cendawan, substrat mestilah diperbuat daripada produk organik atau bahan semulajadi yang tidak dirawat dengan bahan kimia seperti peat, kayu, produk mineral atau tanah.

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.7	PENGURUSAN PEROSAK (SERANGGA, PENYAKIT, RUMPAI)
5.7.1	<p>Sistem pengeluaran organik mesti menangani masalah perosak melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pemilihan varieti dan spesies yang sesuai b) Tanaman giliran dan tanaman selingan c) Penggunaan jentera dalam proses penanaman d) Menyediakan habitat semulajadi seperti zon penampan ekologi untuk mengekalkan musuh semulajadi dan pemangsa yang terdapat di ladang. e) Penggunaan musuh semulajadi termasuk pelepasan pemangsa dan parasit f) Sungkupan dan kawalan rumpai g) Penggunaan haiwan peragut h) Kawalan secara mekanikal ; i) Mempelbagaikan ekosistem seperti zon penampan untuk kawalan hakisan tanah, agro-perhutanan dan tanaman giliran j) Jika kaedah penggiliran tanaman bagi penyuburan tanah tidak berkesan, pensterilan wap pada tanah boleh dilakukan
5.7.2	<p>Jika kaedah di atas tidak berkesan, produk yang dihasilkan berasaskan bahan semulajadi atau bahan-bahan dalam Annex B - Bahan Kawalan Perosak dan Pengalok Pertumbuhan Tanaman boleh digunakan sekiranya tidak mengancam ekosistem atau kualiti hasil organik.</p>
5.7.3	<p>Kawalan fizikal termasuk penggunaan haba dibenarkan bagi mengawal perosak.</p>
5.7.4	<p>Pensterilan haba pada tanah TIDAK dibenarkan kecuali jika kaedah kawalan di atas tidak berkesan.</p>
5.7.5	<p>Produk/input yang dihasilkan mestilah daripada bahan aktif yang tersenarai dalam Annex B - Bahan Kawalan Perosak dan Pengalok Pertumbuhan Tanaman dan bahan lengai yang dicampurkan mesti bukan karsinogen, teratogen, mutagen atau neurotoxin.</p>
5.8	MENGELAKKAN PENCEMARAN
5.8.1	<p>Pengusaha mesti memantau tanaman, tanah, air dan input pertanian dari risiko pencemaran alam sekitar dan bahan-bahan terlarang.</p>
5.8.2	<p>Pengusaha mesti mengambil langkah-langkah pencegahan seperti zon penampan untuk mengelakkan dan menghadkan potensi kontaminasi pada hasil organik.</p>
5.8.3	<p>Tanaman penampan dan tanaman di ladang organik mesti berbeza dan sesuai untuk mencegah potensi pencemaran seperti semburan racun makhluk perosak dan lain-lain.</p>
5.8.4	<p>Pengusaha mesti mengambil tindakan untuk mencegah atau meminimumkan risiko pencemaran bahan terlarang yang digunakan di tanah bersebelahan dengan kawasan organik yang berdaftar.</p>
5.8.5	<p>Peralatan dari ladang konvensional mesti dibersihkan dengan teliti dari bahan yang berpotensi menyebabkan kontaminasi sebelum digunakan di kawasan pengurusan organik.</p>

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.8.6	<p>Penggunaan struktur penutupan sintetik seperti sungkupan, kain polar, jaring serangga yang berasaskan polyethylene, polypropylene atau polycarbonates dan bahan-bahan mesra alam (berasaskan kanji) adalah digalakkan.</p> <p>Bahan sungkupan sintetik mesti dikeluarkan daripada kawasan ladang selepas digunakan dan tidak dibakar di dalam kawasan ladang.</p>
5.9	MEMBIAKBAKA VARIETI ORGANIK
5.9.1	Pembiakbaka perlu menggunakan kaedah dan persekitaran organik untuk menghasilkan varieti organik. Semua kaedah pembiakan mestilah diuruskan secara organik kecuali pembiakan meristem.
5.9.2	Penghasilan varieti organik tidak boleh menggunakan bahan genetik yang diubahsuai (GMO).
5.9.3	Pembiakbaka organik mesti mendedahkan teknik pembiakan yang digunakan untuk menghasilkan varieti organik untuk tujuan pemasaran
5.9.4	Pengubahsuaian genom tumbuhan tidak dibenarkan (contoh radiasi; pemindahan DNA terpicil, RNA, atau protein).
5.9.5	Pengubahsuaian sel tidak dibenarkan (contoh teknik kejuruteraan genetik; kemusnahan dinding sel dan pembahagian nukleus sel melalui cytoplasm fusion).
5.9.6	Pembiakan secara semulajadi varieti tanaman hendaklah dikekalkan, kecuali teknik yang mengurangkan atau menghalang keupayaan percambahan (contoh terminator technologies)
5.9.7	Varieti organik tidak boleh dipatenkan.
5.9.8	Penggunaan GMOs (Genetically Modified Organism) dan produknya adalah dilarang sama sekali dalam pertanian organik.
5.10	PEMELIHARAAN LEBAH MADU
5.10.1	Jarak zon penampakan bagi kawasan ternakan lebah adalah 3 km. Kawasan yang berada dalam jarak 3 km radius yang diuruskan secara organik, ditanam dengan tanaman secara organik dan / atau kawasan alam semulajadi dengan memastikan akses kepada sumber debunga organik mencukupi untuk membekalkan semua keperluan pemakanan lebah bagi menghasilkan madu.
5.10.2	Pengusaha tidak boleh meletakkan haif lebah dalam jarak 5 km daripada kawasan yang berisiko tinggi terhadap pencemaran seperti kawasan pertanian konvensional, zon industri dan lebuhraya.
5.10.3	Haif hendaklah diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi dan tidak mendatangkan risiko pencemaran kepada alam sekitar atau madu lebah. Penggunaan bahan membuat haif yang berpotensi mendatangkan kesan toksik adalah dilarang.
5.10.4	Setiap kali penuaian, madu dan debunga yang mencukupi akan ditinggalkan dalam haif untuk koloni terus hidup bagi tempoh tidak aktif. Makanan tambahan organik sahaja seperti madu organik atau gula organik boleh digunakan pada keadaan yang tidak dijangka seperti musim hujan.

NO. ELEMEN	ELEMEN
5.10.5	Tempoh peralihan adalah sekurang-kurangnya satu tahun. Gunakan baka lebah daripada sumber pengeluaran organik jika ada. Produk lebah boleh dijual sebagai organik apabila telah mematuhi keperluan piawaian.
5.10.6	<p>Madu organik adalah hasil daripada pemeliharaan lebah di bawah pengurusan organik secara berterusan selama tidak kurang daripada satu tahun.</p> <p>Semasa tempoh peralihan, kom/lilin hendaklah digantikan dengan kom/lilin yang dihasilkan secara organik, kecuali kom/lilin yang sediaada tidak menggunakan bahan terlarang dan tiada risiko pencemaran</p> <p>Dalam keadaan di mana semua kom/lilin yang tidak boleh diganti dalam tempoh satu tahun, tempoh penukaran itu hendaklah dilanjutkan bagi memastikan kom/lilin telah diganti sepenuhnya.</p>
5.10.7	Bahan-bahan berikut dibenarkan bagi pengawalan perosak dan penyakit: a) asid laktik, asid formik; b) oksalik, asid asetik; c) sulfur; d) minyak pati semula jadi (contohnya menthol, eucalyptol, kapur barus); e) thuringiensis Bacillus; dan f) wap, api dan soda kaustik untuk pembasmian kuman pada sarang
5.10.8	<p>Jika langkah-langkah pencegahan gagal, produk perubatan veterinar boleh digunakan dengan syarat berikut perlu dipatuhi:</p> <p>a) keutamaan diberikan kepada phyto-terapi dan rawatan homeopati;</p> <p>b) jika allopathic produk perubatan sintetik digunakan, produk lebah itu tidak boleh dijual sebagai organik;</p> <p>c) sarang/koloni yang dirawat akan dipencilkan dan menjalani tempoh penukaran satu tahun.</p>
5.10.9	Amalan memusnahkan lebah jantan hanya dibenarkan untuk membendung serangan hama yang menyebabkan penyakit Varroa.
5.10.10	Kesihatan dan kebajikan haif boleh dicapai melalui pengurusan dan kebersihan haif
5.10.11	Kaedah penuaian secara pemusnahan lebah pada kom adalah dilarang.
5.10.12	Mencederakan ratu lebah seperti mengerat sayap adalah dilarang.
5.10.13	Permainan beradas ratu lebah dibenarkan.
5.10.14	Penggunaan bahan kimia sintetik adalah dilarang. Penggunaan asap harus pada tahap minimum. Bahan asap mesti bahan semula jadi atau dari bahan yang memenuhi keperluan piawaian.
5.10.15	Suhu perlu dikekalkan serendah yang mungkin, dan tidak melebihi 45 ° C semasa pemprosesan madu.
5.10.16	Penggunaan GMOs (Genetically Modified Organism) dan produknya adalah dilarang sama sekali dalam pertanian organik.
6	PENGENDALIAN & PEMBUNGKUSAN
6.1	PENGENDALIAN
6.1.1	Produk organik dan bukan organik tidak boleh bercampur
6.1.2	Garis Panduan kebersihan untuk pekerja bagi pengendalian produk ladang tertentu hendaklah diwujudkan untuk mencegah kontaminasi fizikal, mikrobial dan kimia.

NO. ELEMEN	ELEMEN
6.1.3	Pengendali dan pemproses mesti memastikan kebolehesanan sepanjang rangkaian pengeluaran
6.1.4	Semua produk organik mesti boleh dikenalpasti di sepanjang proses pengendalian dan pemprosesan seperti semasa penyimpanan dan pengangkutan. Pastikan produk tidak bersentuhan dan bercampur dengan produk bukan organik
6.1.5	Pengendali mesti mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan produk organik dari dicemari oleh bahan cemar.
6.1.6	Pengendali mesti mengenalpasti dan meminimumkan risiko pencemaran alam sekitar dari aktiviti yang dijalankan
6.1.7	Air yang bersih (portable) mesti digunakan untuk mencuci hasil.
6.5	PEMBUNGKUSAN
6.5.1	Pengusaha dilarang menggunakan bahan pembungkus yang boleh mencemarkan produk organik. Ini termasuk beg atau bekas yang diguna semula yang bersentuhan dengan bekas yang mengandungi racun kulat sintetik, bahan pengawet, bahan fumigasi dan nanomaterial.
6.5.2	Pengendali mesti meminimumkan penggunaan pembungkus dan/atau pembungkus yang tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar.
6.5.3	Penggunaan Polyvinyl chloride (PVC) dan aluminium hendaklah dielakkan.
7	PELABELAN DAN PEMASARAN
7.1	KEPERLUAN PELABELAN
7.1.1	Produk organik mesti dilabel dan dipasarkan dengan mematuhi perundangan yang berkaitan.
7.1.2	Setiap pembungkusan mesti mengandungi maklumat berikut ; a) Nombor pensijilan dan logo b) Nama hasil dan varieti c) Gred d) Saiz e) Berat bersih (Kg) f) Nama dan alamat pengeluar / pembekal /pengimport / pengeksport g) Negara asal pengeluar h) Badan Pensijilan Organik yang mengesahkan produk tersebut
7.1.3	Produk yang dijual secara pukal (contoh satu kotak mengandungi pelbagai jenis sayuran) hanya boleh dilabel sebagai organik sekiranya semua sayuran tersebut adalah organik
7.1.4	Produk organik tidak boleh dilabel sebagai bebas GMO
7.1.5	Penggunaan perkataan 'organik' pada label mesti merujuk kepada kaedah pengeluaran organik seperti berikut: a) Kaedah pengeluaran produk secara organik ditunjukkan dengan jelas. b) Bagi produk yang diimport hendaklah mematuhi keperluan pengeluaran tanaman organik atau mematuhi keperluan pengimportan produk organik. c) Produk yang dihasilkan atau diimport perlu menjalani pemeriksaan dan pengesahan pensijilan d) Pelabelan merujuk kepada nama dan/atau no. kod pemeriksa atau badan pensijilan yang diiktiraf

NO. ELEMEN	ELEMEN
7.2	PELABELAN PRODUK DALAM TEMPOH PERALIHAN/PERTUKARAN KEPADA ORGANIK
7.2.1	<p>Produk dalam tempoh peralihan tidak boleh menggunakan label organik untuk tujuan pasaran.</p> <p>Produk dalam tempoh peralihan boleh menggunakan label 'peralihan' selepas 12 bulan pengeluaran sekiranya :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mematuhi keperluan myOrganic b) Indikator tempoh peralihan/pertukaran tidak mengelirukan pengguna merujuk kepada perbezaan produk yang dikeluarkan dari ladang yang telah memenuhi tempoh tersebut c) Penggunaan label 'peralihan kepada organik' atau perkataan yang sama maksudnya yang dikeluarkan oleh pihak kompeten
7.3	PELABELAN JUALAN SECARA PUKAL
7.3.1	Label untuk jualan secara pukal mesti mematuhi keperluan di 7.2.12 (Malaysian Standard MS 1529:2015).
8	PENYIMPANAN
8.1	PENYIMPANAN PERALATAN DAN BAHAN PEMBAJAAN
8.1.1	Bahan pembajaan dan kesuburan tanah/substrat/bahan kawalan perosak mesti disimpan di tempat yang sesuai, selamat, kalis air, pengudaraan yang baik dan berasingan dari bahan-bahan lain.
8.1.2	Jentera/peralatan mesti disimpan di tempat yang sesuai, selamat dan disusun dengan kemas.
8.2	PENYIMPANAN PRODUK ORGANIK
8.2.1	Semua peralatan, bekas penyimpanan produk dan kemudahan pengendalian mesti dibersihkan sebelum digunakan untuk mencegah kontaminasi daripada bahan yang dilarang.
8.2.2	Baja tidak boleh disimpan bersama dengan produk organik.
8.2.3	Langkah kawalan perosak yang mencukupi dan bersesuaian mesti ada di tempat pembungkusan dan penyimpanan kekal khususnya di kawasan pengendalian dan penyimpanan bahan pembungkus.
9	KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
9.1	Pelan tindakan untuk keselamatan dan keselesaan di tempat kerja perlu disediakan.
9.2	Latihan mestilah diberi kepada pekerja yang mengendalikan alat-alat atau jentera yang berbahaya atau canggih.
9.3	Rekod latihan untuk setiap pekerja mesti disimpan.
9.4	Pengusaha dan pekerja hendaklah menerima latihan asas mengenai kebersihan dalam pengendalian produk organik.
9.5	Kotak pertolongan cemas mesti disediakan di tempat yang kekal di ladang.
9.6	Tanda amaran perlu diletakkan di kawasan yang telah dikenal pasti berbahaya.

NO. ELEMEN	ELEMEN
9.7	Prosedur untuk menangani kemalangan dan kecemasan mesti disediakan dengan arahan yang jelas, mesti dipamerkan dan dalam bahasa yang boleh difahami oleh pekerja.
9.8	Kemudahan tandas yang bersih dan tempat membasuh mesti disediakan untuk pekerja di sekitar kawasan kerja.
9.9	Pengambilan pekerja hendaklah mematuhi peraturan tempatan dan nasional.
9.10	Jika tempat tinggal disediakan di ladang, ia mestilah selesa dan selamat didiami serta dilengkapi dengan kemudahan dan keperluan asas.
9.11	Kebersihan semua premis hendaklah dijaga pada setiap masa untuk mengelakkan tempat pembiakan perosak.
9.12	Pekerja bertanggungjawab memaklumkan pihak pengurusan jika mereka dijangkiti penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan mereka tidak sesuai bekerja di kawasan pengendalian hasil ladang.
10	PENGURUSAN SISA LADANG
10.1	Pelan untuk mengelakkan atau mengurangkan pencemaran dan pembaziran hendaklah disediakan setelah bahan buangan dan bahan cemar dikenal pasti dengan melaksanakan program kitar semula.
10.2	Pembuangan sisa ladang secara menanam atau membakar hendaklah dielakkan.
11	REKOD ADUAN
11.1	Rekod aduan dan tindakan pembetulan ketidakakuran kepada keperluan standard hendaklah disimpan oleh pengusaha.

Terdapat 11 elemen yang WAJIB dipatuhi dalam pensijilan myorganic seperti berikut:

- 1.5.1 Semua borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada urus setia pensijilan ladang, BKKT oleh pegawai pembimbing.
- 1.5.2 Urus setia akan menerima dan menyemak borang permohonan tersebut. Sekiranya borang permohonan lengkap, urus setia akan mengeluarkan Surat Pengesahan Penerimaan Permohonan kepada pengusaha dan seterusnya membuat pendaftaran pensijilan.
- 1.5.3 Sekiranya borang permohonan tersebut tidak lengkap / gagal, maka urus setia akan mengeluarkan Surat Permohonan tidak lengkap dan mengembalikan permohonan tersebut kepada pegawai pembimbing untuk melengkapkan borang permohonan tersebut.
- 1.5.4 Urus setia akan membuat Surat Pemeriksaan Tapak kepada Kuasa Usaha (KU) Bahagian Pengurusan Sumber Tanah (BPST) untuk menjalankan pemeriksaan tapak.
- 1.5.5 Pemeriksaan tapak dilaksanakan oleh Unit BPST Negeri. Sekiranya pemeriksaan tapak lulus, pegawai pembimbing boleh menjalankan audit dalam dan mengambil sampel hasil untuk tujuan Analisis Maximum Residue Level (MRL), Logam Berat dan Mikrobial.
- 1.5.6 Sekiranya pemeriksaan tapak gagal, BPST akan mengemukakan Laporan Ketidakakuran dan Tindakan pembetulan kepada pengusaha. Pengusaha perlu melakukan Tindakan Pembetulan mengikut tempoh yang diberikan dan pegawai pembimbing perlu membuat bimbingan bagi membantu pengusaha memenuhi kriteria pemeriksaan tapak. Pemeriksaan tapak akan dilakukan semula selepas semua tindakan pembetulan dibuat.
- 1.5.7 Setelah audit dalam dan sampel analisis lulus, pihak urus setia akan melantik audit luar untuk mengaudit ladang dan dokumen yang berkaitan.
- 1.5.8 Sekiranya analisis sampel gagal, pegawai pembimbing perlu menghantar semula sampel baharu untuk analisis. Proses ini akan diulang sehingga sampel hasil ladang tersebut mematuhi keperluan pensijilan ladang.
- 1.5.9 Urus setia akan membuat lantikan audit luar. Audit luar dijalankan oleh pegawai auditor bagi menyemak pematuhan myGAP di ladang. Sekiranya semua elemen dipatuhi, auditor akan membuat pengesyoran pensijilan ladang tersebut kepada urus setia.
- 1.5.10 Sekiranya audit luar membuat keputusan tidak disyorkan; maka pegawai audit akan mengemukakan Laporan Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan kepada pengusaha. Pengusaha perlu melakukan

Tindakan pembetulan mengikut tempoh yang diberikan dan pegawai pembimbing perlu membuat bimbingan bagi membantu pengusaha memenuhi kriteria pensijilan Ladang. Audit luar akan dilakukan semula selepas semua tindakan pembetulan dibuat.

- 1.5.11 Setelah lulus audit luar, urus setia akan menyediakan laporan teknikal untuk pengesyoran dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Ladang Malaysia.
- 1.5.12 Mesyuarat Pensijilan Ladang Malaysia akan menimbang dan meluluskan pengesyoran pensijilan yang dikemukakan oleh urus setia. Mesyuarat ini akan bersidang sebanyak 6 kali setahun dan dianggotai oleh daripada Jabatan/agensi dan kementerian yang berkaitan.
- 1.5.13 Sekiranya terdapat ladang yang tidak diluluskan atau diragui ianya akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Ladang Malaysia untuk disemak semula. Mesyuarat ini akan bersidang mengikut keperluan (sekiranya terdapat hal-hal berbangkit) di Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Ladang Malaysia dan dianggotai oleh bahagian-bahagian teknikal di Jabatan Pertanian.
- 1.5.14 Sekiranya lulus, pihak urus setia akan mengeluarkan sijil kepada pengusaha.
- 1.5.15 Sekiranya gagal, surat pemakluman penolakan akan dikeluarkan oleh urusetia.

LAMPIRAN 1

**BAHAN YANG DIGUNAKAN DALAM PEMBAJAJAN
DAN PENYUBURAN TANAH**

BAHAN	KETERANGAN; KEPERLUAN DARI SEGI KOMPOSISI; SYARAT PENGGUNAAN
Baja asli	Hanya baja asli yang dikompos/diproses dibenarkan. Najis manusia dan khinzir dilarang sama sekali.
<i>Slurry</i> (najis dalam bentuk cecair) atau air kencing	<i>Slurry</i> segar atau air kencing segar tidak dibenarkan. <i>Slurry</i> atau air kencing yang telah difermentasi dibenarkan sebagai tambahan.
<i>Guano</i> (najis kelawar)	Najis kelawar segar tidak dibenarkan.
Sisa tanaman dan sayuran, sungkupan, baja hijau, jerami	<ul style="list-style-type: none"> • Sisa tanaman dan sayuran mesti dikomposkan sepenuhnya. • Bahan untuk sungkupan mesti dikeringkan sebelum digunakan. • Baja hijau dan jerami boleh digabungkan secara langsung ke dalam tanah.
Kompos yang diperbuat daripada bahan-bahan yang disenaraikan di dalam lampiran ini, bahan buangan cendawan yang telah digunakan, humus daripada cacing dan serangga, kompos dari sumber terasing yang diawasi untuk mengesan kontaminasi	<ul style="list-style-type: none"> • Humus daripada cacing (vermicompost) dan serangga dibenarkan. • Bahan buangan cendawan yang telah digunakan mesti dikompos. • Kompos yang dibuat secara komersial daripada sisa pepejal berjadual (<i>urban/ industrial waste</i>) dibenarkan jika tidak ditambah dengan bahan sintetik atau GMO (<i>Genetically Modified Organism</i>) dan kuantiti logam berat yang digunakan berada pada paras kandungan yang dibenarkan.
<p>Bahan sampingan pemprosesan yang semula jadi reput dan berasal daripada mikrob, tumbuhan atau haiwan.</p> <p>Contoh: bahan sampingan makanan, minyak kelapa sawit, kelapa dan koko (termasuk tandan buah kosong, efluen kilang kelapa sawit, habuk sabut kelapa dan lengai koko kosong), pemprosesan bahan makanan, <i>oilseed</i>, kilang proses bir atau arak, kilang penyulingan atau pemprosesan tekstil</p>	Dibenarkan jika kuantiti logam berat berada pada paras yang dibenarkan

BAHAN	KETERANGAN; KEPERLUAN DARI SEGI KOMPOSISI; SYARAT PENGGUNAAN
Rumpai laut dan produk rumpai laut	Dibenarkan jika kuantiti logam berat berada pada paras yang dibenarkan
Kayu, kulit kayu, habuk daripada kayu yang digergaji, abu kayu, arang daripada kayu yang tidak dirawat	Dibenarkan jika kuantiti logam berat berada pada paras yang dibenarkan
Fostat semula jadi	Hanya <i>rock phosphate</i> semula jadi dibenarkan, sebagai contoh <i>CIRP, Jordan Rock Phosphate</i> .
<i>Basic slag</i> (baja yang mengandungi fostat hasil sampingan daripada pengeluaran keluli)	Dibenarkan jika kuantiti logam berat berada pada paras yang dibenarkan
Mineral Kalium (contoh: <i>sulphate of potash, kainit, sylvanite, patentkali</i>)	Hanya daripada sumber semula jadi sahaja.
Kapur dan magnesium yang telah terubahsuai	Hanya daripada sumber semula jadi sahaja.
Batu magnesium, kieserite dan garam epsom (<i>magnesium sulfat</i>)	Dibenarkan.
Gypsum yang berasal daripada sumber semula jadi (<i>kalsium sulfat</i>)	Dibenarkan.
Natrium klorida	Dibenarkan.
Unsur mikro (contoh: <i>boron, kuprum, besi, mangan, molybdenum dan zink</i>)	Hanya dibenarkan pada kuantiti terhad sahaja.
Sulfur	Dibenarkan.
Batuan yang dikisar, <i>stone meal</i>	Dibenarkan. Hendaklah daripada sumber semula jadi sahaja.
Tanah liat (contoh: <i>bentonite, perlite, zoelite</i>)	Dibenarkan.
<i>Vermiculite</i>	Dibenarkan.
Gambut (<i>peat</i>)	Dibenarkan. Hendaklah daripada sumber semula jadi sahaja dan tidak ditambah dengan bahan sintetik.
Klorida dari batu kapur (<i>limestone</i>)	Dibenarkan. Hendaklah daripada sumber semula jadi sahaja.

**BAHAN UNTUK KAWALAN PEROSAK DAN
PENYAKIT TUMBUHAN**

BAHAN	KETERANGAN; KEPERLUAN DARI SEGI KOMPOSISI; SYARAT PENGGUNAAN
I. Tumbuhan dan Haiwan	Hanya baja asli yang dikompos/diproses dibenarkan. Najis manusia dan khinzir dilarang sama sekali.
Penyediaan berasaskan <i>pyrethrins</i> yang diekstrak daripada <i>Chrysanthemum cinerariaefolium</i> , kemungkinan mengandungi <i>synergist</i>	Dibenarkan
Penyediaan <i>Rotenone</i> daripada <i>Derris elliptica</i> , <i>Lonchocarpus</i> , <i>Thephrosia spp.</i>	Dibenarkan
Penyediaan daripada <i>Quassia amara</i>	Dibenarkan
Penyediaan daripada <i>Ryania speciosa</i>	Dibenarkan
Penyediaan Neem (<i>Azadirachtin</i>) daripada <i>Azadirachta indica</i>	Dibenarkan
Propolis	Dibenarkan
Minyak tumbuhan	Dibenarkan
Rumpai laut, mil rumpai laut (<i>seaweed meal</i>), ekstrak rumpai laut, garam laut dan air masin	Dibenarkan jika tidak diperkuat dengan bahan tambahan sintetik
Gelatin	Dibenarkan jika bukan berasal daripada haiwan
Lesitin	Dibenarkan jika bukan berasal daripada haiwan
Kasein	Dibenarkan jika bukan berasal daripada haiwan
Asid semula jadi (contoh: cuka)	Dibenarkan
Produk yang difermentasi daripada <i>Aspergillus</i>	Dibenarkan
Ekstrak cendawan (kulat <i>Shiitake</i>)	Dibenarkan
Ekstrak <i>Chlorella</i>	Dibenarkan
Penyediaan tumbuhan semula jadi, tidak termasuk tembakau	Dibenarkan
Teh tembakau (kecuali nikotina tulen)	Tidak dibenarkan (terhad)

BAHAN	KETERANGAN; KEPERLUAN DARI SEGI KOMPOSISI; SYARAT PENGGUNAAN
II. Mineral	
Sebatian bukan organik (campuran <i>Bordeaux</i> , <i>copper hydroxide</i> , <i>copper oxychloride</i>)	Dibenarkan
Campuran Burgundy	Dibenarkan
Garam Kuprum	Dibenarkan dalam bentuk semula jadi
Sulfur	Dibenarkan dalam bentuk semula jadi
Serbuk mineral (<i>stone meal</i> , <i>silikat</i>)	Dibenarkan
Tanah diatomaceous	Dibenarkan
Silikat, tanah liat (<i>Bentonite</i>)	Dibenarkan
Natrium silikat	Dibenarkan
Natrium bikarbonat	Dibenarkan
<i>Potassium permanganate</i>	Dibenarkan
Minyak paraffin	Dibenarkan
III. Mikroorganisma yang digunakan untuk kawalan perosak secara biologi	
Mikroorganisma (bakteria, virus, kulat) Contoh: <i>Bacillus thuringiensis</i> , virus Granulosis, dan sebagainya	Hanya mikroorganisma yang diluluskan sahaja dibenarkan. Mikroorganisma yang diimport mesti mendapat kelulusan dari pihak berkuasa.
IV. Lain-lain	
Karbon dioksida dan gas nitrogen	Dibenarkan
Sabun potassium	Dibenarkan
<i>Ethyl alcohol</i>	Dibenarkan
Penyediaan Homeopati dan Ayurvedik	Dibenarkan
Penyediaan herba dan <i>biodinamik</i>	Dibenarkan
Serangga jantan yang dimandulkan	Dibenarkan
Penyediaan feromon	Dibenarkan
Penyediaan berasaskan metaldehyde yang mengandungi bahan penghalau (repellent) terhadap spesies haiwan dan sebagai perangkap	Dibenarkan

LAMPIRAN 3


KEPERLUAN DAN KRITERIA UNTUK MEMASUK SERTA MEMBANGUN SENARAI TAMBAHAN KEPADA BAHAN-BAHAN DI LAMPIRAN 1 DAN LAMPIRAN 2

1. Kriteria-kriteria berikut hendaklah digunakan untuk tujuan meminda senarai bahan-bahan yang dibenarkan. Ini termasuk produk yang telah digunakan dalam pertanian organik dan produk-produk baru.
2. Bahan baru mesti memenuhi kriteria berikut:
 - a) Ia konsisten dengan prinsip penghasilan produk organik.
 - b) Setiap input adalah perlu atau penting kegunaannya dan tidak boleh dipenuhi oleh alternatif lain.
 - c) Penggunaan bahan itu tidak menyebabkan, atau mengakibatkan kesan yang memudaratkan alam sekitar termasuk organisma tanah.
 - d) Mempunyai impak negatif yang paling minimum terhadap kualiti hidup dan kesihatan manusia dan haiwan; dan
 - e) Bahan alternatif yang dibenarkan tidak terdapat dalam kuantiti dan/ atau kualiti yang mencukupi.
3. Kriteria di atas perlu dinilai secara keseluruhan bagi melindungi integriti penghasilan produk organik. Sebagai tambahan, kriteria-kriteria berikut hendaklah digunakan dalam proses penilaian:
 - a) Jika bahan digunakan untuk pembajaan dan tujuan penyuburan tanah, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi:
 - i. Bahan tersebut adalah penting untuk mendapatkan atau mengekalkan kesuburan tanah atau memenuhi keperluan nutrien tanaman atau tujuan perapian tanah dan penggiliran tanaman tertentu.
 - ii. Kandungannya mestilah terdiri daripada tumbuhan, haiwan, mikrob, atau berasaskan mineral dan telah menjalani proses berikut: fizikal (contoh: mekanikal, haba (*thermal*)); melibatkan enzim dan mikrob
 - iii. Penggunaannya tidak menyebabkan atau mengakibatkan atau mendatangkan kesan atau kontaminasi kepada alam sekitar termasuk kepada organisma tanah.
 - iv. Penggunaannya tidak mendatangkan kesan yang negatif pada kualiti dan keselamatan produk.
 - b) Jika bahan digunakan untuk tujuan kawalan penyakit tanaman, serangga dan rumpai, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi:
 - i. Ia mesti digunakan untuk mengawal organisma berbahaya atau penyakit tertentu yang mana alternatif secara biologi, fizikal, atau pembiakbakaan tumbuhan dan/ atau amalan pengurusan yang efektif tidak berkesan; dan

- ii. Kandungannya mestilah terdiri daripada tumbuhan, haiwan, mikrob, atau berasaskan mineral dan telah menjalani proses berikut: fizikal (contoh: mekanikal, haba (*thermal*); melibatkan enzim; mikrob (contoh: pengkomposan, pencernaan)
 - iii. Penggunaannya tidak menyebabkan, atau mengakibatkan kesan atau kontaminasi kepada alam sekitar; dan
 - iv. Walau bagaimanapun, sekiranya ia adalah produk yang disintesis secara kimia dan digunakan dalam keadaan tertentu seperti feromon pada perangkap dan *dispensers*, maka ia boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan jika produk ini dalam bentuk semula jadinya tidak dapat diperolehi dalam kuantiti yang mencukupi dengan syarat penggunaannya tidak mengakibatkan kehadiran residu pada hasil pertanian secara langsung atau tidak langsung.
4. Oleh kerana tujuan utama adalah untuk menyediakan senarai bahan yang dibenarkan, maka senarai di dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2 adalah terbuka dan tertakluk kepada kemasukan bahan tambahan atau mengeluarkan bahan sedia ada secara berterusan. Sekiranya ada *stakeholder* ingin mencadangkan kemasukan bahan dalam senarai, maka *stakeholder* berkenaan hendaklah menyerahkan keterangan terperinci mengenai produk dan syarat bagi keadaan penggunaannya.

1.6 PENGANUGERAHAN SIJIL

Semua permohonan yang telah memenuhi keperluan pensijilan akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Ladang Malaysia. Permohonan berkenaan akan disemak dan dipertimbangkan. Seterusnya, dianugerahkan Pensijilan myOrganic setelah dipersetujui oleh semua ahli mesyuarat tersebut.



1.7 TEMPOH SAH LAKU

Tempoh sah laku pensijilan myOrganic adalah selama satu (1) tahun.



1.8 PANDUAN CETAKAN DAN PENGGUNAAN LOGO

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN

- i. Nombor pensijilan hendaklah dicetak pada setiap pembungkusan
- ii. Nombor pensijilan dan logo hanya boleh digunakan pada pembungkusan hasil yang dikeluarkan dari ladang yang telah dianugerahkan sijil myOrganic.
- iii. Nombor pensijilan dan logo TIDAK DIBENARKAN penggunaannya pada hasil ladang lain.
- iv. Penggunaan nombor pensijilan dan logo hendaklah mematuhi sah laku sijil.



Pembaharuan pensijilan perlu dibuat setiap tahun dan permohonan perlu dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tarikh sah laku.


2.1 PROSES PEMBAHARUAN SIJIL

2.1.1 Pembaharuan sijil akan dikeluarkan sekiranya ladang masih mematuhi syarat-syarat dan elemen pematuhan.

2.1.2 Proses pembaharuan sijil boleh rujuk seperti carta alir di bawah:



**CARTA ALIR KELULUSAN PENSIJILAN
(PEMBAHARUAN SIJIL)**





3. PEMBATALAN PENSIJILAN

Terdapat beberapa kriteria pembatalan pensijilan:


- i. Tidak berminat untuk memperbaharui sijil dengan merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh Pengusaha / Pejabat Pertanian Daerah/ Negeri.
- ii. Penangguhan yang melebihi 1 tahun dari tarikh sah laku sijil dikeluarkan.
- iii. Penukaran skop myGAP dan penukaran dari pensijilan myGAP kepada myOrganic.
- iv. Perlanggaran Residu Racun Perosak (MRL)
- v. Penyalahgunaan sijil, nombor sijil dan logo myOrganic.

3.1 PROSES PEMBATALAN PENSIJILAN

- 3.1.1 Proses pembatalan sijil myOrganic kepada skop myGAP hendaklah dibuat dengan menghantar borang permohonan myGAP 1-1 bagi skop yang dipohon.
- 3.1.2 Proses pembatalan pensijilan untuk perlanggaran MRL boleh rujuk carta alir myOrganic 14-3.
- 3.1.3 Pembatalan sijil untuk penyalahgunaan sijil, nombor sijil dan logo boleh rujuk carta alir myOrganic 14-5.




CARTA ALIR PEMBATALAN PENSIJILAN-
KEHADIRAN RESIDU RACUN PEROSAK






**CARTA ALIR PEMBATALAN PENSIJILAN-
TAMAT TEMPOH SAHLAKU**





CARTA ALIR PENYALAHGUNAAN
SIJIL, NOMBOR SIJIL DAN LOGO



PENGHARGAAN

Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Garis Panduan Pensijilan myOrganic.





TERIMA KASIH



myOrganic
MALAYSIA



Jabatan Pertanian
Aras 7-17, Wisma Tani,
No. 30 Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya Malaysia

-  03-8870 3448
-  03-8888 7639
-  mygapmyorganic@doa.gov.my
-  www.doa.gov.my

ISBN 978-983-047-325-3

